

## *Perutusan Tahun Baru Pengarah MARA Indonesia*

Saudara/i,

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan innayahNya, dapat kita bersama-sama melangkah ke Tahun Baru Masihi 2011. Tentu banyak pengalaman dan peristiwa pahit manis yang telah kita lalui pada tahun-tahun sebelumnya.

Benarlah kata pepatah, masa berlalu dengan pantas meninggalkan kita. Dalam tempoh sedekad lagi, kita akan mencapai kedudukan sebagai sebuah negara maju dan Wawasan 2020 perlu direalisasikan. Kerajaan juga telah mengumumkan Pelan Transformasi Negara sebagai langkah untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Justeru, sebagai rakyat Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mendukung program Kerajaan dan berusaha dengan lebih gigih lagi agar hasilnya dapat kita tuai di masa akan datang. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Saudara/i,

Sebagai rakyat Malaysia, kita mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Kerajaan telah banyak membantu menyediakan kemudahan dan bantuan yang diperlukan maka kita harus menghargainya. Dalam menuju Wawasan 2020, kita seharusnya keluar dari kepompong keselesaan dan meningkatkan daya saing agar setiap individu dapat menjadi '*a better survivor*'.

Sebagai sebuah negara yang kaya dengan warisan seni dan budaya, saya turut mengajak saudara/i membantu mempromosikan lagi hasil kraf tempatan agar ia mendapat tempat dalam pasaran antarabangsa. Tidak ada siapa yang dapat memelihara dan berbangga dengan warisan seni dan budaya ini, melainkan kita rakyat Malaysia sendiri.

Harapan saya semoga Tahun Baru 2011 ini, kita sama-sama berazam meningkatkan semangat dan komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab kita terhadap agama, bangsa dan negara.

“Selamat Tahun Baru 2011”

*“MARA the way forward”*

*“Quality is the hallmark”*